



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
(Pharmacy Enforcement Division)
Lot 36, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
Selangor
MALAYSIA

No. Telefon : 03 - 7841 3200 / 03 - 7841 3320
No. Faksimili : 03 - 7968 2222 / 03 - 7968 2251
Portal Rasmi : <http://www.pharmacy.gov.my>

Rujukan Tuan :

Rujukan Kami : KKM.600-19/5/14 JLD. 6 (15)

Tarikh : 30 Januari 2018



Presiden


Persatuan Farmasi Malaysia

Wisma MPS, 16-2,
Jalan OP 1/5, 1-Puchong Business Park,
Off Jalan Puchong,
47160 Puchong, Selangor Darul Ehsan

Presiden

Malaysian Community Pharmacy Guild

Lot 2, Jalan Pendaftar U1/54,
Section U1, Temasya @ Glenmarie,
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan



Tuan/Puan,

PEMAKAIAN LOGO FARMASI KOMUNITI DI PREMIS FARMASI KOMUNITI

Adalah saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, berikutan dari Pelancaran Logo Farmasi Komuniti di sambutan Hari Farmasi Sedunia Peringkat Kebangsaan 2017 yang lalu oleh Y.B. Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan Malaysia, Bahagian ini menetapkan semua farmasi komuniti di Malaysia dikehendaki memaparkan Logo Farmasi Komuniti di premis masing-masing. Logo ini perlu diletakkan di bahagian papan tanda premis dan boleh dilihat dengan jelas oleh orang awam. Harapan bahagian ini dengan adanya keseragaman logo di setiap farmasi komuniti akan dapat mewujudkan satu identiti pengenalan farmasi komuniti kepada umum seterusnya peningkatan dalam menjadikan farmasi komuniti sebagai salah satu pusat mendapatkan perkhidmatan profesional ubat-ubatan oleh orang awam.

3. Oleh yang demikian, dengan berkuatkuasanya surat ini, semua farmasi komuniti wajib mematuhi arahan untuk memaparkan Logo Farmasi Komuniti di premis farmasi masing-masing. Arahan ini **berkuatkuasa serta merta** bagi premis farmasi komuniti baru manakala bagi premis farmasi sedia ada akan berkuatkuasa **mulai 1 Januari 2019**.

4. Untuk makluman tuan/puan juga, salinan Logo Farmasi Komuniti dalam bentuk *softcopy* telah diedarkan kepada kepada pihak tuan/puan sebelum ini dalam bentuk cakera padat (CD) untuk disampaikan kepada semua premis farmasi komuniti yang memerlukan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(TAN ANN LING) RPh. 1051

Pengarah

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi

Kementerian Kesihatan Malaysia

LHI/sitim/mrm

✉ siti_mariaton@moh.gov.my / mruzaini@moh.gov.my

☎ +603 - 7841 3200/3316

☎ +603 - 7968 2222